

**Najib Ucap Tahniah Kepada Maithripala Sirisena Sebagai Presiden Baharu Sri Lanka  
Bernama  
Jan 10, 2015**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan tahniah kepada Maithripala Sirisena atas pemilihan beliau sebagai Presiden baharu Sri Lanka.

"Tahniah dan selamat maju jaya kepada Presiden Sri Lanka yang baharu dipilih," kata Najib dalam akaun Twitternya.

Sirisena, 63, seorang ahli politik veteran, mengalahkan penyandang Mahinda Rajapaksa dalam pilihan raya Sri Lanka pada Khamis.

Beliau mendapat 51.2 peratus undi manakala Rajapaksa memperoleh 47.5 peratus.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1099681>